

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-609 BIL.3/2025
20 MAC 2025

1) PEMAKLUMAN JADUAL KUTIPAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2025

- i. Bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri 2025 yang bakal disambut pada 31 Mac 2025 (Isnin). Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan membuat penambahan dan pindaan kepada jadual kutipan sampah seperti kebiasaan yang diamalkan setiap tahun. Jadual kutipan sampah sempena Hari Raya Aidilfitri 2025 adalah seperti berikut :

a) 30 Mac 2025 (Ahad) – Sehari Sebelum Raya

Penambahan kekerapan bagi kutipan sampah di seluruh Seberang Perai adalah seperti berikut:

- i. Pusingan Pertama kutipan akan bermula pada pukul 7.00 pagi hingga 3.30 petang. **(Jadual A dan C)**
- ii. Pusingan Kedua kutipan akan bermula pada 4.00 petang hingga 10.00 malam. **(Jadual C)**

b) 31 Mac 2025 (Isnin) – Hari Raya Pertama

Pada Hari Raya Pertama kutipan akan dijalankan satu (1) hari sekali sahaja iaitu **Jadual C** yang bermula pada 12.00 tengah hari sehingga selesai.

c) 1 April 2025 (Selasa) – Hari Raya Kedua

Pada Hari Raya Kedua kutipan dijalankan mengikut jadual asal yang ditetapkan seperti biasa. (**Jadual B dan C**)

- ii. Perubahan jadual kutipan ini adalah selaras dengan dasar MBSP untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Seberang Perai terutamanya pada musim perayaan. MBSP menyeru semua pihak di Seberang Perai supaya dapat mengurangkan penjanaan sisa sampah, tidak membazirkan makanan dan mengamalkan kitar semula semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri 2025.

2) PROGRAM MESRA PELANGGAN MBSP PADA 12 APRIL 2025 (SABTU) BERTEMPAT DI SETIA EXPERIENCE CENTER, BANDAR SETIA FONTAINES, KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan mengadakan program **Mesra Pelanggan** Siri 1/2025 pada **12 April 2025 (Sabtu)** bertempat di **Setia Experience Center, Bandar Setia Fontaines , Kepala Batas, Seberang Perai Utara.**

Program pada kali ini menyasarkan penduduk dan pembeli rumah di kawasan skim perumahan Bandar Setia Fontaines, Bandar Bertam Putra serta taman-taman perumahan di Ara Kuda / Tasek Gelugor / Kubang Menerong / Bertam dan kawasan sekitarnya yang telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*). Penduduk boleh memohon kelulusan sekiranya hendak menjalankan kerja-kerja ubahsuai / pindaan / tambahan kepada rumah kediaman mereka. Dalam masa yang sama, penduduk kawasan lain juga boleh menyertai dan memohon kelulusan melalui program ini.

Pihak MBSP mengalu-alukan semua pihak yang mempunyai rumah kediaman supaya mendapatkan kelulusan bagi sebarang pindaan dan tambahan yang hendak dijalankan ke atas rumah kediaman mereka. Ini bagi memastikan supaya semua kerja-kerja binaan dijalankan dengan teratur dan mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas kerja-kerja binaan yang dijalankan tanpa kebenaran.

Dengan ini, semua penduduk / pembeli / orang ramai adalah dijemput untuk menyertai Program Mesra Pelanggan MBSP ini. Kelulusan pindaan dan tambahan ke atas rumah-rumah kediaman akan diberikan secara **serta merta** pada hari tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

Maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Bangunan MBSP di talian 04-5497737 / 045497776.

3) **SUNGAI PERAI NATURE WALK 2025**

Majlis Bandaraya Seberang Perai akan menganjurkan *Sungai Perai Nature Walk 2025* pada 27 April 2025 (Ahad) jam 7.15 pagi bermula dari Jeti Nelayan Kampung Terus, Penanti, Seberang Perai Tengah ke Mee Udang Sri Tambang Sungai Dua, Seberang Perai Utara dan berpatah balik ke Jeti Nelayan Kampung Terus, Penanti, Seberang Perai Tengah untuk menamatkan sesi berjalan santai ini. *Sungai Perai Nature Walk 2025* merupakan penganjuran kali yang kelima (ke-5) sejak tahun 2018.

Penganjuran Program *Sungai Perai Nature Walk* adalah untuk melestarikan gaya hidup sihat di samping memberi pendidikan serta kesedaran terhadap masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan sungai dan memelihara alam semulajadi. Program ini juga merupakan salah satu platform dalam mengetengahkan aktiviti eko-pelancongan di Seberang Perai yang mana Sungai Perai adalah salah satu *landmark* yang amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai tarikan pelancongan baharu di Seberang Perai.

Pendaftaran boleh dibuat di pautan https://howei.com/event_details/sungaiperainaturewalk2025.

Penyertaan adalah terhad kepada 600 orang yang berdaftar sahaja. Seluruh warga Seberang Perai dialu-alukan untuk mendaftar *Sungai Perai Nature Walk 2025*.

4) MBSP MELARANG MENJALANKAN PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG

MBSP telah menjalankan pendakwaan atas kesalahan tidak mematuhi Notis Supaya Memulihkan Semula Tanah kepada keadaan asal dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang di bawah Seksyen 27 (2) (a) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 di Mahkamah Sesyen Butterworth.

Terdapat lapan (8) Orang Kena Saman (OKS) yang terdiri daripada enam (6) orang pemunya tanah dan dua (2) orang yang menjalankan pemajuan tanpa kebenaran merancang. Pemajuan ini merupakan pemajuan yang menjadikan tanah-tanah tersebut sebagai lot lidi. Aktiviti pemajuan tersebut dijalankan di kawasan Seberang Perai Utara. Pada 28 Februari 2025, salah seorang OKS telah mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM35,000.00.

MBSP ingin menegaskan bahawa sebarang pemajuan tanpa kebenaran merancang adalah satu (1) kesalahan yang akan diambil tindakan tegas. MBSP juga mengingatkan seluruh penduduk Seberang Perai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan

mendapatkan kelulusan daripada MBSP sebelum menjalankan sebarang aktiviti pemajuan. Lot lidi khususnya mendatangkan lebih banyak keburukan berbanding kebaikan dan boleh menjejaskan pembangunan yang terancang serta kepentingan awam.

MBSP juga menasihatkan orang ramai agar mematuhi segala notis dan syarat yang telah dikeluarkan bagi memastikan pembangunan di Seberang Perai berjalan dengan teratur dan selaras dengan perancangan bandar yang mampan. Tindakan undang-undang akan terus diambil terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati melanggar peraturan ini.

5) SELAMAT MENYAMBUUT HARI RAYA AIDILFITRI 1446H

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam di Seberang Perai khususnya dan di Pulau Pinang dan kawasan sekitar amnya. 1 Syawal 1446H dijangka disambut pada 31 Mac 2025 (Isnin) yang juga merupakan cuti kelepasan am bagi Negeri Pulau Pinang.

Semoga hari yang mulia ini membawa keberkatan, kegembiraan, dan kedamaian kepada kita semua. Di kala menyambut hari raya ini, saya ingin mengingatkan supaya berhati-hati semasa pulang ke kampung dan sentiasa menjaga kesihatan anda sekeluarga. Semoga perjalanan anda semua selamat dan diberkati.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Sekian, terima kasih.